

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB. TUAN WONG SZE PHIN @ JIMMY
KAWASAN : KOTA KINABALU
TARIKH : 19 MEI 2016, KHAMIS

SOALAN:

YB. TUAN WONG SZE PHIN @ JIMMY minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan secara terperinci pelaksanaan pembinaan lebuhraya Pan Borneo di Sabah mengikut fasa. Adakah lebuhraya tersebut akan dibina berdasarkan konsep 'Transit-On-Development' (TOD) iaitu dilengkapi atau mempunyai ruang untuk kemudahan pengangkutan awam.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaksanaan projek Lebu Raya Pan Borneo Sabah akan dilaksanakan secara 3 fasa. Fasa pertama melibatkan laluan Sindumin – Beaufort – Kota Kinabalu – Tuaran – Kudat; dan juga laluan Ranau – Telupid – Lahad Datu – Tawau. Fasa kedua pula melibatkan jajaran Tamparuli – Ranau; manakala fasa ketiga ialah melibatkan sektor laluan dari Tawau – Keningau – Kimanis.

Perjanjian antara Kerajaan Pusat dengan Rakan Pelaksana Projek atau PDP bagi projek Lebu Raya Pan Borneo Sabah yang ditandatangani pada 11 April 2016 lalu ialah merujuk kepada pelaksanaan fasa pertama sahaja – iaitu melibatkan jarak keseluruhan sepanjang 706km. Pelaksanaan fasa ini telah dipecahkan kepada 35 pakej dan ia dirancang siap keseluruhan pada tahun 2021. Tempoh siap projek fasa pertama ini ialah selama 5 tahun 9 bulan. Untuk permulaan, 2 projek ‘kick-off’ akan dimulakan dalam tempoh masa terdekat ini, iaitu dari Dongongon ke Papar (11km) dan Tawau ke Semporna (5km). Manakala pakej-pakej lain bagi fasa pertama Lebu Raya Pan Borneo Sabah akan ditender secara berperingkat-peringkat mulai suku keempat tahun 2016.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek Lebu Raya Pan Borneo di Sabah dan Sarawak sebenarnya telah dirancang dengan teliti supaya ia memudahkan mod pengangkutan darat, sekali gus akan menjana kesan limpahan (‘spill-over effect’) terhadap sosioekonomi masyarakat setempat. Ini termasuklah akan menambah baik bidang pengangkutan awam di sepanjang koridor lebu raya terlibat. Sehubungan itu projek Lebu Raya Pan Borneo apabila siap kelak akan menjadi pemangkin untuk mencetuskan perubahan (‘game-changer’) di kedua-dua negeri berkenaan.

Sekian. Terima kasih.